

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 14 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1141-L2299  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Proton tidak mempunyai masa depan jika ia tidak bergabung dengan syarikat pembuat kereta asing dan apakah faktor yang menggagalkan perundingan penggabungan antara Proton dan PSA Peugeot Citreon. Mengapakah pula Khazanah mahu menjual kepentingannya sebanyak 38.2% di dalam Proton.
2. PN-1141-L2711  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pandangan terhadap pepatah yang ilmu itu kuasa. Ilmu boleh diperkaya melalui bacaan dan bacaan dapat membentuk minda dan karakter seseorang. Maka budaya membaca dari sumber buku dan lain harus ditanam. Apa pendekatan dan tindakan Kementerian dalam soal ini selain dari melancar Kempen Membaca yang nyata tidak berkesan.
3. PN-1141-L2856  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk merangka satu kurikulum baru yang boleh memenuhi pasaran kerja di pusat pengajian tinggi awam dan swasta agar para penuntut yang menamatkan pengajian kelak mempunyai peluang untuk bekerja.
4. PN-1141-L2602  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian memastikan bahawa sesebuah projek kawasan perumahan yang diluluskan itu tidak akan menjejaskan keseimbangan alam sekitarnya dan apakah tindakan yang akan dikenakan ke atas pengusaha yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

5. PN-1141-L2037  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peratusan terkini wanita yang berkerjaya dan berkeluarga dan kemudahan serta prasarana yang disediakan untuk memudahkan mereka berkerjaya.
6. PN-1141-L2914  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap media cetak dan elektronik yang menyiarkan sesuatu berita tanpa kesahihan fakta yang betul memandangkan kesan daripada penyiaran tersebut boleh menyebabkan salah tanggapan terhadap sesuatu perkara yang dilaporkan.
7. PN-1141-L2528  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kakitangan swasta yang dilaporkan kepada PERKESO yang meninggal dunia atau hilang upaya dalam tempoh perkhidmatan dalam tempoh 10 tahun dan tuntutan ilat yang telah dibelanjakan.
8. PN-1141-L2907  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang di ambil oleh Kementerian bagi mengawal kenaikan harga ubat supaya tidak membebaskan pesakit terutamanya pesara-pesara Kerajaan.
9. PN-1141-L2575  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan peranan utama yang dimainkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan untuk membendung pelajar-pelajar sekolah serta pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat dalam gejala penggunaan dadah yang semakin hari semakin merunsingkan.
10. PN-1141-L2365  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah Syarikat GLC pada keseluruhannya dan jumlah syarikat-syarikat GLC yang memainkan peranan mereka dalam khidmat sosial masyarakat dan apakah jenis khidmat sosial yang diberi keutamaan untuk dibiayai oleh syarikat-syarikat ini.
11. PN-1141-L2630  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah keberkesanan kempen Budi Bahasa yang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun lalu.

12. PN-1141-L2101  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah benar dakwaan orang ramai bahawa promosi Tahun Melawat Malaysia (TMM 07) tidak menepati sasaran kerana kelemahan publisiti dan bahan bercetak di samping kurang mendapat sokongan terutamanya daripada Penerbangan Malaysia (MAS) yang melakukan penerbangan ke luar negeri.
13. PN-1141-L2433  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah bagi menjadikan Malaysia pangkalan pelaburan di kalangan negara-negara Islam dari seluruh dunia dan berapa banyak pula kemasukan modal negara-negara Islam ke Malaysia.
14. PN-1141-L2148  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dasar Kementerian dalam menentukan jenis dan jumlah buku-buku latihan tambahan yang dibenarkan di sekolah-sekolah rendah dan tindakan tata tertib yang akan dikenakan kepada guru-guru besar yang memaksa murid-murid membeli buku-buku latihan yang berlebihan.
15. PN-1141-L2062  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan rundingan dengan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) telah gagal atau dihentikan dan apakah tindakan susulan yang akan diambil supaya konsesi ini adalah seimbang dan munasabah kepada Tenaga Nasional Berhad.
16. PN-1141-L2536  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kesan yang akan timbul apabila PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) memperketat prosedur pemberian pinjaman termasuk mewajibkan semua peminjam menyediakan penjamin.
17. PN-1141-L2194  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah keberkesanan Program Ops Sikap dan Ops Statik dalam usaha Kementerian mengurangkan kadar kematian di jalan raya.
18. PN-1141-L2729  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan hampir saban hari, berita mengenai mat rempit terpapar di dada akhbar-akhbar tempatan, kian hari ramai menjadi mangsa keganasan mereka termasuk pihak polis. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mencegah kegiatan mat rempit daripada terus berlaku.

19. PN-1141-L2020  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Majlis Pertanian Negara bagi tujuan memantapkan dan memperkembangkan industri pertanian negara sebagaimana penubuhan Majlis Biotek Negara.
20. PN-1141-L2743  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah seterusnya yang diambil oleh Kementerian agar dapat mengekalkan sehingga pelabuhan Malaysia mencapai taraf kelas dunia berdasarkan Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor, berjaya tersenarai dalam liga 20 pelabuhan terbaik di dunia selama empat tahun berturut-turut.
21. PN-1141-L2389  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Bursa Buruh Elektronik dalam usaha mengurangkan masalah pengangguran di negara ini.
22. PN-1141-L2696  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Malaysia mampu untuk menampung satu lagi syarikat penerbangan murah sedangkan syarikat yang sedia ada mempunyai liputan yang meluas ke seluruh negara.
23. PN-1141-L2688  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pelan tindakan Kementerian bagi menangani sindrom pelajar-pelajar ponteng sekolah seperti yang disiarkan oleh Harian Metro 09.04.07. Adakah sistem pembelajaran yang sedia ada menyebabkan para pelajar hilang minat untuk belajar.
24. PN-1141-L2275  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan pendek untuk memperbaiki prestasi bola sepak kebangsaan dan mempertingkatkan mutunya pada masa hadapan.
25. PN-1141-L2621  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kenapakah penduduk-penduduk di Hulu Langat, Selangor membantah cadangan DBKL untuk membina tanah perkuburan Islam di tanah Kerajaan apabila kebanyakan tanah kubur di Kuala Lumpur akan pupus 20 tahun lagi.
26. PN-1141-L2072  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan penternak khinzir yang dikesan positif menggunakan BETA AGONIS sejak tindakan pencegahan yang diambil setahun kebelakangan ini.

27. PN-1141-L2501  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk pulangan kepada Kerajaan dari aktiviti hiburan, rumah urut, bar, pusat disko dan sebagainya. Berapakah jumlah pulangan kepada Kerajaan setiap tahun sejak 2004.
28. PN-1141-L2296  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam menggunakan peruntukan tambahan RM2.6billion untuk memajukan sekolah-sekolah di luar bandar dan apakah imej 'antara dua darjat' sekolah-sekolah bandar-luar bandar dapat dihapuskan. Apakah peruntukan tersebut turut melibatkan insentif untuk guru-guru di luar bandar.
29. PN-1141-L2728  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan cadangan menaikkan gaji pokok anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebanyak 20 peratus lebih tinggi daripada kakitangan sektor awam lain merupakan antara cadangan penstrukturan semula PDRM kepada Kerajaan sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan kes rasuah, sejauh manakah keberkesanan cadangan ini.
30. PN-1141-L2749  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan ;-
- (a) masalah gejala sosial di kalangan remaja semakin parah, dana program-program Rakan Muda yang dihidupkan semula kurang mendapat sambutan hanya segelintir remaja yang berminat. Apakah Kementerian tidak bercadang untuk menarik minat remaja dalam program sukan lasak seperti futsal, berkayak dan lain-lain diperluaskan di peringkat persatuan belia kampung, sekolah dan bukan hanya tertumpu apabila mengadakan pertandingan sahaja; dan
  - (b) apakah pihak Kementerian menyediakan peruntukan untuk program-program sukan lasak bagi persatuan belia-belia yang berminat terutama di luar bandar.
31. PN-1141-L2751  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada RTM1 dan RTM2 bersedia untuk memberikan "air-time" bagi Program Pesta Keamatan dan Pesta Gawai sama seperti program Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali.

32. PN-1141-L2124  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program-program yang telah dan akan diadakan pada tahun 2006 bagi tujuan memupuk semangat harmoni di antara rakyat berbilang kaum di Malaysia.
33. PN-1141-L2752  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional perbezaan cukai jalan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
34. PN-1141-L2835  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap projek-projek terbengkalai yang melibatkan unit-unit komersial atau perniagaan yang membawa imej negatif kepada pelabur-pelabur asing serta pelancong.
35. PN-1141-L2689  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah keuntungan yang diperoleh oleh negara melalui Karnival Membeli-belah Malaysia 2006 dan peluang perniagaan yang diberikan kepada usahawan dan peniaga wanita melaluinya.
36. PN-1141-L2366  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai kajian, pelan dan langkah-langkah yang lebih 'holistic' dan berkesan lagi untuk meningkatkan taraf perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan lain-lain di Sarawak terutamanya di Bandaraya Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri orang ramai termasuk pelancong dapat menikmati perkhidmatan yang lebih moden, teratur, cekap dan efisien lagi.
37. PN-1141-L2390  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Program Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) bertaraf kelas kedua.
38. PN-1141-L2627  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) statistik syarikat bas persiaran yang telah diluluskan dan jumlah bas yang dimiliki oleh syarikat-syarikat tersebut; dan
  - (b) adakah Kementerian mempunyai mekanisme untuk memastikan syarikat-syarikat ini hanya merekrut pemandu-pemandu yang berpengalaman.

39. PN-1141-L2326  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi mengembalikan status dan imej pentadbir sekolah rendah dari segi taraf gaji yang kini terjejas sejak Kerajaan melaksanakan kenaikan gaji guru penolong secara time base.
40. PN-1141-L2244  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab mengapa pihak PLUS tidak membaik pulih jalan yang rosak teruk melalui terowong yang menghala dari Pekan Labu Batu 10 ke Kampung Orang Asli Tekir, Labu, Negeri Sembilan.
41. PN-1141-L2477  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Rapid KL sebagai satu syarikat kepunyaan Kerajaan, berapa kali bas bagi laluan Ampang-Sri Petaling dan Putra LRT mengalami gangguan dan hentian perkhidmatannya setiap tahun sejak tahun 2002 hingga 2007 dan sebutkan sebab-sebab utama dan bagaimana pengalaman ini dapat memperbaiki perkhidmatan LRT bagi perjalanan kini dan juga pembinaan talian sambungan kelak.
42. PN-1141-L2645  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan dan kondominium di lereng bukit dan kawasan tanah tinggi yang telah diluluskan pada tahun 2004 sehingga kini.
43. PN-1141-L2547  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada pihak Kementerian telah merangka satu pelan kurikulum di pusat pengajian tinggi tempatan bagi tempoh 5 tahun akan datang yang telah mengambil kira kuasa pasaran kerja bagi memastikan pelajar-pelajar tersebut mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan apabila tamat pengajian kelak.
44. PN-1141-L2624  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah Kementerian mendirikan sekolah di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur yang siap tahun lalu yang hanya menampung murid kurang dari 20 orang dan nama sekolah pula bukan nama tempatan. Kenapa penduduk setempat tidak diminta pandangan sebelum mendirikan sekolah tersebut.
45. PN-1141-L2444  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memperbaiki dan memudahkan lagi sistem pentadbiran cukai khususnya bagi Jabatan Kastam yang paling banyak menyumbang di dalam ekonomi negara supaya jentera pentadbiran dan pelaksanaan menjadi cekap, pantas dan efisien. Sistem yang cekap, pantas dan efisien di Jabatan Kastam dalam memungut cukai dapat memperkukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

46. PN-1141-L2248  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jenis projek yang telah disalurkan melalui peruntukan khas kepada Ahli Parlimen (RM 2 juta) dan Ketua UMNO Bahagian (RM 3 juta) pada tahun 2006/2007 bagi meningkatkan taraf ekonomi, kemudahan infrastruktur serta kemudahan sosial di Perkampungan Orang Asli Semenanjung.
47. PN-1141-L2478  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagi SPM tahun 2004-2006, mengapa peratusan pelajar yang mendapat gred A1 untuk Bahasa Cina hanya 1.2% hingga 2.3% dan Bahasa Malaysia 10% hingga 11.7%, Bahasa Inggeris 6.6% hingga 9.5%, dan apakah markah untuk mendapatkan gred A1 dalam Bahasa Cina, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan bagaimana perbezaan yang ketara ini dapat diatasi.
48. PN-1141-L2892  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tidakkah pihak Kerajaan dapat menambah hari persidangan Dewan Negara memandangkan ada kalanya masa untuk membahaskan serta meluluskan Rang Undang-undang di Dewan Negara terlalu singkat.
49. PN-1141-L2646  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kekerapan latihan kebakaran atau "fire drill" dilaksanakan di sekolah-sekolah serta prosedur "fire drill" yang digunakan.
50. PN-1141-L2102  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tidak akan berlaku pertindihan dalam menyeragamkan pengesahan persijilan halal di antara Jabatan Pembangunan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan Kementerian Kesihatan apabila Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) yang baru ditubuhkan, mengambil alih sepenuhnya fungsi pengesahan halal di negara ini.
51. PN-1141-L2446  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah sumbang mahram serta pembuangan bayi yang kerap berlaku di kalangan masyarakat kita sekarang ini dan sejauh manakah keberkesanan pendedahan serta pendidikan di atas keburukan permasalahan ini terhadap masyarakat kita.

52. PN-1141-L2606  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar cukai import bagi alat-alat sukan yang digemari oleh warga Malaysia seperti raket badminton dan golf set. Adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan cukai import ke atas produk ini sebagai langkah menyokong hasrat Kerajaan mempromosikan budaya bersukan di kalangan rakyat.
53. PN-1141-L2427  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah bilangan guru mencukupi dalam mengimbangi dan memajukan pendidikan luar bandar berdasarkan peruntukan tambahan RM2.6 bilion bagi pembangunan pendidikan luar bandar.
54. PN-1141-L2573  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan penubuhan Pasukan Penguat kuasa Pemerhati bagi memantau harga jualan makanan dan minuman di restoran-restoran yang semakin meningkat sepertimana pemantauan yang dilakukan di pasar-pasar serta kedai-kedai runcit.
55. PN-1141-L2232  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah dasar yang ditetapkan oleh Kementerian ke atas penjaja-penjaja statik di tepi jalan dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memindahkan mereka ke pusat penjaja yang moden. Jika ada, berapakah pusat penjaja yang telah disiapkan setakat ini di Wilayah Persekutuan.
56. PN-1141-L2347  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan walaupun kuiz SMS telah difatwakan sebagai haram, kenapa RTM masih menyiarkannya untuk penyertaan orang ramai.
57. PN-1141-L2032  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah struktur penjenamaan semula Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan membawa kepada perubahan imej fizikal dan mental terhadap anggota PDRM dan mampu menghakis tanggapan masyarakat terhadap isu rasuah di kalangan anggota serta nyatakan langkah-langkah ke arah penjenamaan tersebut.
58. PN-1141-L2527  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan institusi wakaf dalam negara sehingga kini dan apakah mekanisme untuk menggalakkan institusi wakaf.

59. PN-1141-L2087  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menguatkuasakan Kot Etika Berpakaian, untuk persembahan-persembahan hiburan rancangan televisyen Kerajaan dan swasta.
60. PN-1141-L2226  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana syarat-syarat pemberian lesen untuk membuka salon kecantikan dalam usaha untuk mengawal penjualan ubat pelangsing badan yang boleh memudaratkan sehingga membawa maut.
61. PN-1141-L2797  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru dan pelajar yang telah dikenakan tindakan tatatertib berhubung isu penyalahgunaan dadah dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2002 hingga 2006 serta tindakan Kementerian bagi menangani masalah serius ini.
62. PN-1141-L2230  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan hala tuju MARA bagi tahun 2007 dan peranan yang bakal dimainkan oleh MARA dalam mendukung RMK-9.
63. PN-1141-L2136  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam mengatasi masalah mutu perkhidmatan yang kurang baik dan sering kali menunda waktu perjalanan oleh syarikat penerbangan tambang murah di negara ini memandangkan masih banyak rungutan daripada orang ramai mengenai mutu perkhidmatan yang kurang memuaskan daripada syarikat penerbangan tersebut.
64. PN-1141-L2188  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah bandar selamat yang telah berjaya dipraktikkan di negara ini dan apakah halangan utama yang menyebabkan konsep ini terlalu perlahan untuk dilaksanakan.
65. PN-1141-L2693  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan memandangkan Kerajaan rancak meminta graduan menganggur menceburkan diri dalam bidang peruncitan, apakah bantuan yang diberi supaya mereka boleh menandingi hypermarket yang sekarang telah menyusup masuk ke seluruh negara.

66. PN-1141-L2801  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penganjuran skim pelaburan Internet yang telah mendapat kelulusan dari Kerajaan, jumlah penganjuran skim pelaburan Internet yang tidak mempunyai kelulusan, anggaran pelaburan oleh rakyat Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun sejak tahun 2002 hingga 2006, anggaran kerugian rakyat Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun sejak tahun 2002 hingga 2006 serta tindakan yang telah dan akan diambil bagi memantau aktiviti ini.
67. PN-1141-L2885  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah kontraktor berwibawa Kelas A yang diwujudkan dari tahun 2004-2006.
68. PN-1141-L2158  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah dapatan kajian kementerian terhadap cadangan-cadangan dan pandangan pihak-pihak yang berkenaan terhadap 138 perakuan yang telah dibuat oleh J/K Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi di Malaysia.
69. PN-1141-L2528  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan yang meninggal dunia atau hilang upaya kekal dalam tempoh perkhidmatan dalam tempoh 10 tahun dan pembayaran pencen yang telah dikeluarkan.
70. PN-1141-L2413  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa harga barangan dalam kontrak pusat adalah jauh lebih tinggi daripada harga pasaran terbuka dan kualitinya juga tidak memuaskan. Kadangkala kontraktornya juga tidak dapat membekalkan barangan mengikut syarat kontrak. Mengapakah jabatan kerajaan tidak dibenarkan membuat perolehan dari pasaran terbuka dan bukan dari kontrak pusat.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh YB Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [10 Mei 2007]**

- |     |                |  |                               |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 2.  | (D.R. 25/2006) | Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006   | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3.  | (D.R. 44/2006) | Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006                                   | “                             |
| 4.  | (D.R. 5/2007)  | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007                                       | “                             |
| 5.  | (D.R. 27/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006                                    | “                             |
| 6.  | (D.R. 28/2006) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006 | “                             |
| 7.  | (D.R. 38/2006) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006   | “                             |
| 8.  | (D.R. 37/2006) | Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006                                    | “                             |
| 9.  | (D.R. 36/2006) | Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006                                      | “                             |
| 10. | (D.R. 30/2006) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006;                 | “                             |
| 11. | (D.R. 33/2006) | Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006;                                     | “                             |

- |     |                |   |   |
|-----|----------------|---|---|
| 12. | (D.R. 52/2006) | Rang undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;             | “ |
| 13. | (D.R. 2/2007)  | Rang undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;                                 | “ |
| 14. | (D.R.3/2007)   | Rang undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007;                     | “ |
| 15. | (D.R. 4/2007)  | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;           | “ |
| 16. | (D.R. 6/2007)  | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;      | “ |
| 17. | (D.R. 7/2007)  | Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;                            | “ |
| 18. | (D.R. 8/2007)  | Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;                         | “ |
| 19. | (D.R. 11/2007) | Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007;                     | “ |
| 20. | (D.R. 12/2007) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;                     | “ |
| 21. | (D.R. 10/2007) | Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007; | “ |
| 22. | (D.R. 13/2007) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan            | “ |
| 23. | (D.R. 14/2007) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.         |   |
| 24. | PN-1141-U2092  | <b>Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin</b> akan mencadangkan:-                   |   |

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

**(Perdana Menteri)**

25. PN-1141-U2323

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

**(Menteri Luar Negeri)**

26. PN-1141-U2325

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

**(Menteri Sumber Manusia)**

27. PN-1141-U2327

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

28. PN-1141-U2329

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.3	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.5	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Pertanian Malaysia (BPM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.6	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.7	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.8	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Persatuan Peladang dan Pertubuhan Peladang MADA (YPPPM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.17	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.34	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.62	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.3) 2007	14 Mei 2007
ST.63	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.64	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.65	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	14 Mei 2007
ST.77	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Dato' Onn) 2007	14 Mei 2007